



# Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பிளாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:  
[www.consumer.org.my](http://www.consumer.org.my)

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109  
email: [consumerofpenang@gmail.com](mailto:consumerofpenang@gmail.com)

## Kenyataan Akhbar

17hb Mei 2021

### CAP: Pelitup Muka Toksik

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa pihak berkuasa memastikan pelitup muka dan peralatan perlindungan lain yang dijual di pasaran tidak mengandungi *graphene* dan nanopartikel berpotensi toksik lain memandangkan ia berbahaya kepada kesihatan.

Gesaan ini dibuat berikutan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Kanada yang melarang penggunaan pelitup muka yang mengandungi *graphene* kerana kemungkinan berisiko penyedutan partikel *graphene*.

*Graphene* adalah novel nanomaterial yang merangkumi zarah zarah halus yang mempunyai sifat antivirus dan antibakteria.

Pelitup muka yang mengandungi *graphene* boleh dikenal pasti dengan lapisan warna gelap pada bahagian dalam pelitup muka tersebut. Ia mudah dikenal pasti sebab ia berwarna kelabu. Menurut kajian pelitup muka dilapisi *graphene* berpotensi menyebabkan keracunan paru-paru pada haiwan.

Meskipun potensi risiko kesihatan, berjuta pelitup muka yang mengandungi *nanographene* dihasilkan setiap hari dan dijual di seluruh dunia.

*Graphene* adalah satu bentuk karbon yang terdiri daripada serpihan nipis nanoskopik daripada atom karbon yang tersusun secara heksagon. Apabila bahan seperti karbon atau perak dipecahkan kepada atom – komponen terkecilnya akan mula berperilaku dalam cara yang tidak biasa, yang akan meningkatkan keracunannya.

Perubahan dalam perilaku ini adalah apa yang menjadikan *nanographene* berkesan untuk membunuh bakteria, virus dan mikroba lain. Apabila digunakan dalam pelitup muka, lapisan *nanographene* berfungsi untuk melindungi pengguna daripada partikel dalam udara, dengan menghirisnya apabila disedut melalui lapisan *graphene*. Bagaimanapun, apabila pelitup muka itu lusuh, serpihan *nanographene* mengelupas dan boleh disedut ke dalam paru-paru. Pengguna pelitup muka yang mengandungi *graphene* itu mengadu mengalami kesukaran bernafas, kerengsaan kulit dan merasa seperti bernafas dalam bulu kucing.

Memandangkan kepada perkara ini, *Center for International Environmental Law (CIEL)* bersama dengan beberapa NGO antarabangsa telah menulis surat kepada pihak berkuasa di Eropah meminta mereka mengeluarkan pelitup muka yang mengandungi nanopartikel daripada pasaran dan mengharamkan penjualan Peralatan Perlindungan Diri (PPE) yang mengandungi bahan *nanoform* yang tidak dibenarkan dalam pasaran Kesatuan Eropah (EU).

Memandangkan memakai pelitup muka adalah barisan pertahanan kritikal dalam melawan COVID-19 dan penyakit bawaan udara lain, kehadiran nanopartikel dalam pelitup muka tidak seharusnya menjadi risiko kesihatan tambahan kepada pengguna.

Memandangkan kepada situasi masa kini di mana pemakaian pelitup muka telah menjadi keperluan, CAP menggesa pihak berkuasa supaya:

- > Mengharamkan penjualan pelitup muka yang mengandungi nanopartikel *graphene* atau bahan lain.
- > Menetapkan piawaian bagi pelitup muka.

Sementara itu, pengguna perlu mengambil iktibar daripada perkara ini dan kekal selamat dengan memilih pelitup muka yang di perbuat dari kapas untuk mencegah penyebaran jangkitan.

**Mohideen Abdul Kader**

**Presiden**

**Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang (CAP)**